

KELUARAN
KHAS

PENDIDIKAN & LATIHAN



AeU giat lahirkan guru prasekolah berkelayakan dalam program ECCE.

Belajar online

■ Miliki bacelor, diploma pendidikan awal kanak-kanak di AeU

Oleh Hamizah Badiran
hamizah@hmetro.com.my

Secara amnya, pendidikan prasekolah program asuhan dan didikan awal kanak-kanak (ECCE) dibahagikan kepada pendidikan untuk kanak-kanak berumur antara empat hingga lima tahun dan pusat penjagaan harian untuk kanak-kanak yang lebih kecil.

Dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10), dinyatakan keperluan guru bertaraf diploma untuk naik ke tahap sarjana muda, manakala guru prasekolah (swasta) harus menjalani latihan disediakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan Peraturan-Peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996 dipatuhi.

Seiring keperluan semasa dalam industri pendidikan prasekolah negara, Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (SECS) di Asia e University (AeU) giat menawarkan program pendidikan awal kanak-kanak di peringkat Sarjana Muda dan Diploma Siswazah kepada pendidik prasekolah termasuk pengusaha taska.

Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dengan Kepujian dibangunkan khusus untuk guru serta pendidik prasekolah yang memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya diploma. Tempoh prog-

ram adalah empat tahun separuh masa dan melalui pembelajaran jarak jauh atas talian.

Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak disasarkan kepada guru tadika yang bekerja dan hanya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pengajian berlangsung sepanjang dua tahun merangkumi 18 subjek dan latihan praktikal mengajar.

Hasil pembelajaran program adalah bersesuaian dengan keperluan pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah dan sejajar dengan agenda pembangunan profesionalisme berterusan kepada pendidik yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 -2025).

Dekan SECS Prof Dr John Arul Philips berkata, ekosistem sektor pendidikan prasekolah termasuk profesion sebagai guru atau operator pusat prasekolah sudah melalui pelbagai fasa perubahan kritikal, sejak era kemerdekaan.

AeU menyediakan pelbagai insentif dan bantuan pinjaman untuk meringankan beban pelajar.

Pendaftaran bagi sesi pengajian Mei 2015 sedang dibuka. Sila lawati Hari Prebiu Khas pada 25 April 2015 (10 pagi - 2 petang) di Kampus Utama AeU, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Pendaftaran boleh dilakukan secara pendaftaran atas talian di www.aeu.edu.my. Anda juga boleh menghubungi talian bebas tol 1-300-300-238.

